

Usaha kukuhkan ekonomi negara2 Selatan perlu — Dr. M

U.M. 25 NOV 1992

Daripada
Khalid Mohd.

TUNIS 24 NOV. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menegaskan bahawa usaha memperkukuhkan kerjasama ekonomi antara negara-negara Selatan kini menjadi semakin perlu memandangkan mereka yang sudah maju semakin kurang berminat memhantu "kita yang sedang membangun."

Perdana Menteri berkata, perhatian yang diberikan oleh negara-negara Utara yang maju dan kaya kepada pembinaan semula ekonomi Eropah Timur dan bekas Soviet Union bererti negara-negara Selatan yang sedang membangun tidak akan mendapat perhatian yang sepatutnya.

Beliau mengingatkan, berbagai-bagai langkah dan tindakan pihak Utara seperti pembentukan NAFTA (Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara) dan Pasaran Tunggal Eropah, jelas akan meletakkan negara-

negara membangun dalam kedudukan yang menyulitkan.

Dalam ucapannya di jamuan negara bagi meraikan beliau di sini malam ini, Perdana Menteri berkata, kesulitan ini ditambah dengan kebuntuan rundingan perdagangan Pusingan Uruguay dan kemunculan blok dagangan yang bersifat melindungi kepentingan masing-masing.

Dr. Mahathir menegaskan, negara-negara membangun yang banyak bergantung pada negara-negara Utara untuk memasarkan barangan mereka sudah tentulah akan menghadapi masalah.

Oleh yang demikian, katanya, kerjasama Selatan-Selatan menawarkan tempat yang baik bagi mempertahankan kepentingan ekonomi negara-negara membangun.

Menurut Perdana Menteri, Persidangan Kumpulan 15 di Dakar yang baru sahaja beliau hadiri telah mengambil keputusan supaya usaha-usaha lanjut dibuat ke arah memperluaskan lagi kerjasama Selatan-Selatan.

Dalam hubungan ini, beliau mengajak Tunisia menyertai Pu-

sat Perdagangan Data Mengenai Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan (SITTEDEC), sebuah projek yang dipelopori oleh Malaysia yang memberi maklumat tentang peluang perdagangan dan pelaburan yang terdapat di negara-negara anggota.

Dr. Mahathir juga berharap lawatannya akan mencetuskan satu arah baru dalam kerjasama Malaysia-Tunisia dalam projek-projek khusus yang membawa faedah kepada kedua-dua belah pihak.

Perdana Menteri berkata, beliau melihat potensi besar untuk mempertingkatkan perdagangan dua hala memandangkan Malaysia dan Tunisia kini berada dalam kedudukan untuk membekalkan satu sama lain dengan barangan yang masing-masing perlukan.

Beliau yakin dengan termetereainya Perjanjian Perdagangan dan Peraturan Pembayaran Dua Hala, perdagangan antara Malaysia dan Tunisia akan bertambah pada tahun-tahun akan datang.

Di samping itu, ujarnya, kedua-dua buah negara hendaklah juga mengenalpasti bidang-bidang lain di mana kerjasama boleh diadakan memandangkan Malaysia dan Tunisia memiliki kepakaran dalam bidang sains dan teknologi yang berlainan.

Misalnya, kata beliau, Malaysia boleh menghantar pelajarannya ke sini untuk melanjutkan pelajaran dalam pengajian Islam dan bidang-bidang lain manakala Tunisia juga boleh menghantar pelajarannya ke Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Kuala Lumpur.

Dr. Mahathir juga memuji sokongan tidak berbelah-bahagi Tunisia dalam perjuangan rakyat Palestin dan peranannya membantu negara-negara Islam yang lain.

Beliau berharap lawatannya akan membuka satu era baru dalam persahabatan Tunisia-Malaysia yang akan membawa kepada persefahaman dan kerjasama yang lebih kukuh dalam segala bidang.—Utusan.